

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID**  
**KAWASAN : KAPAR**  
**TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 36**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan komitmen untuk membaik pulih jalan-jalan Persekutuan terutama di dalam kawasan Kapar yang sekian hari mengancam nyawa pengguna jalan raya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah panjang Jalan Persekutuan di kawasan Parlimen Kapar yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah sepanjang **51.87 km**. Pihak syarikat konsesi telah melaksanakan **penyenggaraan rutin** di kawasan Parlimen Kapar dengan **jumlah peruntukan sebanyak RM1.1 juta setahun**. Berdasarkan rekod kementerian ini, bagi tahun 2017 sehingga 2020 **peruntukan bagi penyenggaraan berkala adalah berjumlah RM21.3 juta** dan **peruntukan kerja kecemasan adalah sebanyak RM80 ribu**.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan tahap keadaan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan perlaksanaan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.